

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2002/2003

Februari/Mac 2003

**JTW 352 – Pengurusan Sumber Manusia**

Masa : 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab TIGA (3) soalan. Jawab SEMUA soalan dalam Bahagian A dan Bahagian B, SERTA pilih SATU (1) soalan daripada Bahagian C.

Tuliskan angka giliran anda di setiap kertas jawapan anda.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

Soalan di Bahagian A diperuntukkan 40 markah dan soalan Bahagian B dan Bahagian C diperuntukkan 30 markah setiap bahagian.

**BAHAGIAN A: SOALAN WAJIB****SOALAN 1**

- (a) Apakah yang dimaksudkan dengan pengurusan sumber manusia? Mengapakah pengurusan sumber manusia penting kepada semua pengurus?

( 20 markah )

**DAN**

- (b) Jelaskan maksud pengurusan sumber manusia strategik serta huraikan peranan yang dimainkan oleh pengurus sumber manusia dalam proses perancangan strategik

( 20 markah )

**BAHAGIAN B : SOALAN WAJIB****SOALAN 2**

Terangkan maksud beserta contoh yang relevan bagi istilah-istilah berikut. (Jawapan maksima bagi setiap komponen dalam soalan ini mestilah tidak melebihi setengah mukasurat) :

- |   |            |
|---|------------|
| (a) Analisis Kerja (Job Analysis)         | (5 markah) |
| (b) Spesifikasi Kerja (Job Specification) | (5 markah) |
| (c) Temuduga Tekanan (Stress Interview)   | (5 markah) |
| (d) Opsyen Stok (Stock Option)            | (5 markah) |
| (e) Pusingan Kerja (Job Rotation)         | (5 markah) |
| (f) Kesan Halo (Halo Effect)              | (5 markah) |

(30 markah)

**BAHAGIAN C : PILIH DAN JAWAB SATU (1) SOALAN SAHAJA**

**SOALAN 3**

- (a) Berikan sebab mengapa temuduga berstruktur dianggap lebih sah berbanding dengan temuduga tidak berstruktur ?

(15 markah)

DAN

- (b) Nyatakan dan bincangkan sekurang-kurangnya **LIMA (5)** kesilapan umum yang selalu dibuat semasa menemuduga calon serta jelaskan cara untuk mengelak daripada melakukan kesilapan-kesilapan tersebut.

(15 markah)

**SOALAN 4**

- (a) Senaraikan dan huraikan **LIMA (5)** langkah yang terlibat di dalam proses latihan dan pembangunan.

(15 markah)

DAN

- (b) Nyatakan dan bincangkan mana-mana **TIGA (3)** cara dalam melakukan penilaian prestasi pekerja serta berikan kelebihan dan kekurangan yang dikaitkan dengan setiap cara tersebut.

(15 markah)